

Politik stabil, dasar jelas pacu ekonomi

Malaysia pada landasan tepat capai kemakmuran selepas bawa masuk rekod pelaburan baharu



Kestabilan politik dan dasar yang jelas serta konsisten kembali meletakkan Malaysia di landasan mampan untuk mencapai kemakmuran ekonomi, tegas Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau berkata, Malaysia berjaya menarik China, Amerika Syarikat (AS) dan Eropah serta pelbagai negara lain di Asia Tenggara untuk membawa masuk rekod pelaburan baharu yang jauh melebihi sasaran dengan keyakinan terhadap ekonomi negara dijangka terus berkembang.

“Saya fikir kita di landasan tepat untuk terus memacu ekonomi dalam beberapa tahun akan datang. Maksud saya, jumlah pelaburan yang saya bangkitkan adalah besar dan ini mencerminkan keyakinan sektor swasta terhadap dasar dan cara kita berkhidmat.

“Berdasarkan rekod kita dalam enam tujuh bulan lalu, kita boleh mencapainya,” katanya pada sesi soal jawab di Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif Mesyuarat Pemimpin Ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) ke-30 bertemakan *The Global Economy and State of The World*, di sini, kelmarin.

Pada sesi dikendalikan warta-

wan China Global Television Network (CGTN), Tian Wei itu, Anwar yang turut menjelaskan peranan kerajaan dalam meraih kepercayaan sektor swasta untuk melabur, berkata selain faktor kritikal seperti kestabilan politik, perlu juga ada dasar kerajaan yang jelas dan konsisten.

Dasar sedemikian, katanya, perlu untuk menyelaras serta memudahkan proses mendapatkan pelaburan dan menurut Perdana Menteri, sesebuah negara harus tegas melaksanakan dasar serta menangani pelbagai isu seperti rasuah.

“Sekarang kita perlu gandakan (usaha), kita perlu tegas laksanakan dasar berkenaan rasuah, menambah baik cara kerja dan menghentikan pembaziran dana awam untuk kayakan mereka yang berkuasa. Kita sudah nyatakan dengan jelas,” katanya.

Hubungan baik AS, China

Anwar yang tiba di sini Isnin lalu bagi menghadiri Mesyuarat APEC (AELM) dari 14 hingga 17 November, penyertaan sulung beliau pada mesyuarat APEC sebagai Perdana Menteri, turut menyentuh hubungan AS dan China yang disifatkannya tidak sepatutnya dilihat sebagai *zero sum game* atau satu pihak sahaja menang.

Beliau yang juga Menteri Kewangan menekankan, Malaysia dan dua negara kuasa besar dunia itu ada hubungan serta kerjasama baik dengan AS menjadi rakan tradisi ekonomi penting dan pelabur utama Malaysia, manakala China pula rakan serta jiran yang hampir dengan peningkatan dalam perdagangan serta pelaburan dari negara itu.

“Jadi, mengapa kemudian meletakkan kami dalam keadaan yang sukar, satu mainan campur tolak. Untuk manfaat negara membangun dan juga untuk Barat dan Timur, saya percaya penyelesaiannya sudah tentu kerjasama yang lebih hebat.

“Pemimpin bijak dengan wawasan dan komitmen. Kita harus kongsi idea dan boleh selesaikan

isu dengan lebih berkesan,” katanya menambah, apa diperlukan sekarang ialah kuasa besar dunia menerima pakai pendekatan pelbagai hala dalam menangani cabaran global, menamatkan pemikiran perang dingin dan perlukan aturan baharu.

Sementara itu, Anwar seperti dilaporkan BERNAMA, menegaskan negara seperti Malaysia dan rantau seperti ASEAN tidak harus dipaksa melihat dunia dan kuasa besar dalam set minda Perang Dingin ketika keadaan masa ini lebih berkecamuk serta kompleks, yang perlukan negara besar atau kecil berganding bahu dan tidak melakukan sebaliknya.

Katanya, pertemuan di antara Presiden AS, Joe Biden dan Presiden China, Xi Jinping di luar sidang APEC adalah penting, harus memberi mesej jelas bahawa dunia boleh bekerjasama dan saling percaya untuk menyelesaikan masalah serius seperti perubahan iklim.

“Terlalu banyak isu kontroversi yang sedang dihadapi,” kata Anwar memberi contoh peperangan di Ukraine dan Gaza dan mengajak semua mencuba serta menerima hakikat bahawa semua hasil yang diinginkan mungkin tidak dapat dicapai, tetapi libat urus penting untuk dicuba dan mewujudkan bidang yang boleh dilaksanakan.

Mengenai perlunya lebih keberterangjawaban sektor swasta, beliau menjelaskan kisah bagaimana Malaysia terpalit skandal 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang menyebabkan negara hilang berbilion ringgit, yang tidak akan terjadi tanpa pembabitan licik institusi kewangan antarabangsa seperti firma Goldman Sachs.

Perdana Menteri juga menjelaskan ujian sebenar bagi seseorang pemimpin adalah ketika berkuasa, sama ada berjaya melaksanakan tanggungjawab dan bukan semata-mata menjadi ‘penunggang’ agama atau moral kerana akhirnya pemimpin dinilai menerusi tindakan mereka.